



Cambridge IGCSE™

MALAY

0546/12

Paper 1 Listening

May/June 2022

TRANSCRIPT

Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

E Cambridge Assessment International Education, Cambridge IGCSE, June 2022 examination in Malay. Paper 1, Listening.

M1 Soalan-soalan 1 hingga 8

M1 Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

M1 Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

(*Pause 3 seconds.*)

M1 Anda membeli-belah dengan adik anda, Salma.

M1 Soalan 1

M1 Anda ingin tahu apa yang Salma mahu beli. Salma berkata...

F1 * Saya mahu beg sekolah.

M1 Apakah yang Salma mahu? **

(*Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.*)

M1 Soalan 2

M1 Anda mahu tahu harganya. Jurujual berkata:

F1 * Harganya RM35.00.

M1 Berapakah harganya? **

(*Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.*)

M1 Soalan 3

M1 Anda mahu cari kedai pakaian. Jurujual berkata:

F1 * Kedai pakaian di sebelah kedai kasut.

M1 Kedai pakaian di sebelah apa? **

(*Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.*)

M1 Soalan 4

M1 Anda mahu beli pakaian untuk majlis hari jadi. Jurujual berkata:

F1 * Kemeja ini sesuai.

M1 Pakaian apa yang sesuai? **

(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)

M1 Soalan 5

M1 Ibu anda menelefon. Salma berkata:

F1 * Kami akan pulang dengan bas.

M1 Bagaimanakah anda akan pulang? **

(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)

M1 Soalan 6

M1 Sebelum pulang, Salma berkata:

F1 * Saya mahu pergi ke tandas.

M1 Ke manakah Salma mahu pergi? **

(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)

M1 Soalan 7

M1 Dalam perjalanan, Salma berkata:

F1 * Ada kesesakan jalan raya.

M1 Apakah yang berlaku di jalan raya? **

(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)

M1 Soalan 8

M1 Semasa sampai di rumah, Salma berkata:

F1 * Saya tertinggal payung di kedai baju.

M1 Salma tertinggal apa? **

(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)

M1 Soalan-soalan 9 hingga 14

M1 Anda akan mendengar satu pengumuman tentang suatu acara istimewa. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

M1 Pengumuman akan dihentikan seketika.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 30 seconds.)

F1 * Selamat datang ke Hari Keluarga Syarikat Melati. Ada banyak acara untuk semua kakitangan serta keluarga untuk dinikmati bersama. Ladang Raja, dengan kebun buah-buahan dan haiwan jinak ialah tempat sesuai untuk merayakan 40 tahun syarikat ini ditubuhkan.

F1 Semua keluarga ada pondok penginapan masing-masing di tepi sungai. Ada pelbagai acara setiap hari; acara untuk kanak-kanak pada waktu pagi, program mengutip buah-buahan tempatan, dan juga pertandingan memancing bagi sesiapa yang berminat.

(Pause 5 seconds.)

F1 Bagi sesiapa yang mengambil bahagian dalam acara pada waktu malam, harap mereka sudah berlatih untuk mempersembahkan nyanyian dan tarian mereka.

F1 Pada hari kedua, kita akan mendaki bukit itu, untuk melihat matahari terbit. Anda yang berminat mestilah bangun awal dan bawa bekalan untuk sarapan di atas bukit. Pemandangan di sana sangat cantik.

F1 Sepanjang hujung minggu ini, anak-anak anda berpeluang untuk membuat aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan seperti menunggang kuda. Ini adalah satu pengalaman yang menarik bagi anak-anak anda.

F1 Pada hari terakhir, sebelum berangkat pulang, kita akan berkumpul dan makan beramai-ramai di dewan besar yang dibiayai oleh Syarikat Melati. Kami berharap anda akan menikmati pengalaman Hari Keluarga bersama kami. **

(Pause 10 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

(Repeat from * to ** then pause 10 seconds.)

M1 Soalan-soalan 15 hingga 19

M1 Anda akan mendengar dialog antara Sabrina dengan Alan tentang minat kawan-kawan mereka dan kelab atau persatuan di sekolah mereka.

M1 Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

M1 Padangkan nama dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap nama, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

M1 Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(Pause 30 seconds.)

M1 * Sabrina, saya dengar kawan-kawan kita sudahpun mendaftar untuk menyertai kelab atau persatuan selepas sekolah.

F1 Ya, saya dengar Amelia sudah isi borang untuk masuk Kelab Perbahasan. Bagus untuk mereka yang pandai bahasa. Awak berminat?

M1 Ya, tapi saya rasa sudah terlambat. Mei Lin masuk persatuan apa?

F1 Mei Lin sungguh berminat untuk menjadi ahli Persatuan Bahasa Mandarin. Dia dibesarkan di Amerika Syarikat dan ini peluang terbaik baginya untuk mempelajari bahasa ibundanya dan tentang bangsanya.

M1 Bagaimana pula dengan Kumar? Saya dengar dia dapat kamera baharu pada hari jadinya yang lalu.

F1 Kumar memang suka fotografi dan saya nampak banyak gambar-gambar cantik yang ditangkap, di blognya. Saya tidak hairan kalau dia menyertai Kelab Fotografi.

M1 Saya baru mula belajar fotografi. Ada sesiapa yang minat menyertai Kelab Alam Sekitar yang baru ditubuhkan? Bagaimana dengan awak, Sabrina?

F1 Ya, saya memang berminat untuk menjadi ahli kelab ini sebab ia menggalakkan kita untuk menolong menyelamatkan alam sekitar. Setiap hujung minggu saya luangkan masa untuk membersihkan tasik berhampiran rumah saya. Masih ada orang yang membuang sampah ke dalam tasik.

M1 Awak fikir apa yang sesuai bagi saya?

F1 Alan, sebagai seorang yang minat dan bijak dalam subjek Matematik, awak sepatutnya jadi ahli Kelab Matematik. Saya dengar masih ada masa untuk mendaftar. **

(Pause 10 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua.

(Repeat from * to ** then pause 10 seconds.)

M1 Soalan-soalan 20 hingga 28

M1 Anda akan mendengar satu temubual dengan Dena, seorang guru silat. Temubual ini terdapat dalam dua bahagian.

M1 Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24

M1 Anda akan mendengar bahagian pertama perbualan ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

M1 *Helo Dena. Apa khabar?

F1 Hallo, baik. Terima kasih.

M1 Bagaimakah anda boleh minat dalam seni silat?

F1 Saya sudah mencuba pelbagai seni mempertahankan diri. Akhirnya, saya diperkenalkan kepada seni silat di sebuah majlis perkahwinan. Sejak itu saya mula membuat persembahan bersama kawan-kawan di acara-acara budaya.

M1 Adakah ramai wanita yang minat bersilat?

F1 Sudah tentu! Mereka belajar untuk mempertahankan diri mereka. Saya juga mengajar silat kerana ianya satu warisan kita.

M1 Apakah sebab lain yang membuatkan anda mengajar silat?

F1 Wanita lebih suka kalau diajar oleh wanita lain. Menyedari hakikat ini, saya membuka kelas silat untuk wanita apabila saya layak dan sudah bersedia. Saya kagum dengan sambutan yang saya dapat.

M1 Pada pendapat anda, mengapa ianya penting untuk belajar seni mempertahankan diri?

F1 Ramai wanita lebih berkeyakinan diri tentang keselamatan mereka apabila berada di luar jika mereka ada kemahiran ini. Saya berasa gembira dapat mengajar seni ini kepada mereka.

M1 Jadi, mengajar silat bukan kerja sepenuh masa anda?

F1 Betul. Saya bekerja di pejabat lima hari seminggu. Jadi, saya hanya ada sesi malam untuk kelas silat. Saya cuba melapangkan hujung minggu saya untuk bersama keluarga. **

(Pause 15 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from * to ** then pause 15 seconds.)

M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual dengan Dena sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(*Pause 30 seconds.*)

M1 *** Selain daripada untuk mempertahankan diri, apa lagi tujuan mereka belajar?

F1 Ramai yang berpendapat silat hanyalah untuk berlawan. Namun, sekarang, saya ada sekumpulan pelajar yang belajar silat khusus untuk lakonan. Sungguh mencabarkan juga bagi saya.

M1 Jadi, apa pendapat anda?

F1 Saya tidak ada masalah kalau untuk tujuan memperkembangkan lagi seni warisan bangsa kita. Apabila ditayangkan di televisyen atau dipentaskan, ini bermakna warisan kita terus hidup.

M1 Apakah perkembangan terkini anda?

F1 Sekumpulan pelajar Eropah ingin belajar silat dengan saya. Mereka tidak perlu hadir ke kelas saya secara fizikal di Malaysia kerana saya boleh menganjurkan kelas dalam talian.

M1 Apakah yang anda ingin buat pada masa depan?

F1 Silat sememangnya sudah terkenal di negara kita. Sudah tiba masanya kita perkenalkan seni ini kepada dunia. Kalau Kungfu boleh digunakan dalam filem Hollywood, mengapa tidak silat!

M1 Syabas, Dena. ****

(*Pause 15 seconds.*)

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual ini untuk kali kedua.

(*Repeat from *** to **** then pause 15 seconds.*)

M1 Soalan-soalan 29 hingga 34

M1 Anda akan mendengar temubual dengan Ravi tentang pengalamannya sebagai pemandu pelancong. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

M1 Ada tempat berhenti semasa temubual.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 1 minute.*)

F1 * Helo Ravi. Boleh ceritakan tentang pekerjaan anda sebagai seorang pemandu pelancong di luar negara? Apa yang anda lakukan sungguh menarik!

M1 Saya sangat meminati kerja ini sehingga saya menukar pilihan kerjaya saya. Saya tidak pernah menyangka yang pekerjaan saya akan membawa saya ke negara-negara menarik di dunia, dan pada masa yang sama dibayar untuk perkhidmatan itu!

F1 Bagaimakah semuanya bermula? Bukankah anda sedang belajar pada masa itu?

M1 Ya. Semasa saya sedang belajar di London, ada ramai pelancong dari Malaysia yang mahu saya membawa mereka untuk bersiar-siar di seluruh England. Saya memulakan pekerjaan ini kerana saya memerlukan wang. Pekerjaan ini, bagi saya, menjadi semakin seronok!

F1 Nampaknya anda sibuk sekali pada masa itu! Bagaimakah anda membahagikan masa antara belajar dan bekerja sambilan?

M1 Nasib baik mereka tidak suka melancong ketika cuaca sejuk dan lebih suka melancong semasa cuaca panas yang kebetulan sama masanya dengan cuti semester saya. Pada hujung tahun, saya sendiri suka melancong untuk menenangkan fikiran.

(*Pause 15 seconds.*)

F1 Kebanyakan pelancong anda daripada golongan umur berapa?

M1 Yang muda suka mengembara sendiri dengan beg galas dan suka mencari pengalaman mencabar dengan perbelanjaan minima. Jadi mereka tidak mahukan khidmat pemandu pelancong. Kebanyakan pelanggan saya ialah golongan yang sudah bersara. Mereka ada wang, mampu tinggal di hotel dan upah pemandu untuk membawa mereka ke sana sini. Mereka ada banyak masa untuk menikmati sejarah, budaya dan pemandangan di sesebuah negara.

F1 Adakah tugas anda terhad di United Kingdom sahaja?

M1 Tidak. Selepas seminggu di United Kingdom, biasanya mereka mahu pergi ke Eropah – melawat Perancis, Switzerland, Jerman dan Sepanyol. Saya harus rancang perjalanan dengan teliti; dapatkan koc atau tiket kereta api, tiket feri, tempat penginapan dan acara perjalanan. Keutamaan saya adalah memastikan mereka ada insurans kesihatan. Secara ringkasnya, saya sentiasa cuba untuk memberikan mereka pengalaman percutian yang terbaik.

F1 Apakah yang terjadi kepada pengajian anda?

M1 Saya teruskan juga dengan pengajian saya, tetapi saya pulang dan buka agensi pelancongan saya sendiri; membawa pelancong ke tempat-tempat menarik di barat. London, sebagai contoh, ialah destinasi yang sangat popular. Biasanya saya yang membawa rombongan pelancong ini. Saya akan teruskan selagi boleh. Sudah ada banyak kontak di serata Eropah yang menjadikan pekerjaan ini lebih mudah.

F1 Terima kasih, Ravi. **

(Pause 15 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from * to ** then pause 15 seconds.)

M1 Soalan-soalan 35 hingga 37

M1 Anda akan mendengar perbualan dengan Hana, seorang jurugambar bebas. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

M1 Ada dua tempat berhenti semasa temubual ini.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam **dua** kotak yang betul **A, B, C, D** atau **E**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(Pause 45 seconds.)

M1 * Hana, bolehkah anda ceritakan tentang pekerjaan anda?

F1 Saya seorang jurugambar bebas dengan pelbagai syarikat media. Kegemaran saya ialah merakamkan seni-seni peninggalan nenek moyang kita. Inilah tema pertandingan fotografi baru-baru ini. Dan saya mendapat hadiah pertama!

M1 Tahniah! Bagaimanakah anda boleh berminat dalam bidang ini?

F1 Dalam bidang fotografi, saya sememangnya mengikuti jejak ibu saya. Dari kecil lagi, saya suka melihat pelbagai kamera dalam koleksi ibu saya. Walaupun dia tidak membenarkan saya menyentuh kamera-kameranya yang mahal sehingga saya dewasa, saya leka melihat bagaimana dia menghasilkan gambar-gambarnya.

M1 Dan bagaimanakah pula dengan minat terhadap warisan kita?

F1 Saya memang ingin tahu bagaimana benda-benda lama ini dihasilkan. Misalnya, bagaimana batik cetak dibuat.

M1 Gambar manakah yang menang?

F1 Gambar sekumpulan wanita membuat anyaman tikar.

(Pause 20 seconds.)

M1 Bagaimanakah anda mendapat gambar ini?

F1 Saya bertemu dengan seorang penjual tikar di pasar tani. Anyamannya sangat cantik. Saya pergi ke kampungnya untuk mengambil gambar proses anyaman. Saya bersama sekumpulan wanita dari mula mereka memotong daun mengkuang sehingga mereka menganyam tikar.

M1 Apakah seni lain yang anda pertimbangkan untuk pertandingan ini?

F1 Saya fikir cara membuat keris dan gendang juga sangat menarik. Tetapi tidak ramai orang yang boleh membuat keris sekarang.

M1 Apakah yang dapat dihasilkan dengan minat anda ini?

F1 Gambar saya akan menimbulkan minat ramai tentang bagaimana sesuatu yang kita lihat dan guna setiap hari, dihasilkan, bukan dengan mesin, tetapi dengan kemahiran dan tenaga manusia.

M1 Apakah reaksi orang ramai?

F1 Ramai orang berkerumun untuk melihat gambar saya.

(Pause 20 seconds.)

M1 Apakah rancangan anda seterusnya?

F1 Dengan hadiah RM10,000 ini, saya ingin menolong wanita-wanita ini memulakan perusahaan bagi menghasilkan banyak lagi produk anyaman mereka.

M1 Bagaimanakah reaksi kumpulan wanita ini?

F1 Mereka terharu. Saya juga telah menjemput mereka untuk menunjukkan cara menganyam di sebuah sekolah. Ramai para pelajar yang kini berminat dan ada yang mula menolong mereka di pasar tani.

M1 Apakah perasaan ibu anda dengan kemenangan ini?

F1 Dia sungguh bangga sebab dia tahu dia yang mengasah minat dan kepakaran saya.

M1 Projek anda seterusnya?

F1 Saya ingin mendokumentasikan alam semula jadi pula!

M1 Hebat! Terima kasih, Hana. **

(Pause 45 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from * to ** then pause 45 seconds.)

E There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

(Pause 6 minutes.)

M1 Ujian tamat. Sila tutup buku jawapan anda.

E This is the end of the examination.

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.